

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah penumpang ETS dari Taiping ke Kuala Lumpur dan rancangan untuk meningkat tahap perkhidmatan perjalanan ETS dari Taiping ke Kuala Lumpur dan sebaliknya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 24 perkhidmatan ETS sehari beroperasi di Stesen Taiping. Berdasarkan statistik penumpang ETS tahun 2019, sebanyak 93,212 penumpang telah membuat perjalanan daripada stesen Taiping ke stesen Kuala Lumpur, dan sebanyak 90,182 penumpang membuat perjalanan dari Kuala Lumpur ke Taiping.
2. Selain itu, bagi meningkatkan lagi tahap perkhidmatan ETS, pada tahun 2016, Kerajaan telah meluluskan pembelian 9 set tren ETS (*Electric Train Set*) baru daripada China dengan kos sebanyak RM470.8 juta. Dengan pentauliahannya secara berperingkat tren ETS baru ini, bermula Oktober 2019, KTMB telah memperkenalkan Koc Kelas Perniagaan yang mempunyai penambahbaikan dari segi kemudahan dan keselesaan kepada pengguna.
3. Pihak KTMB juga merancang untuk menambahkan lagi bilangan Perkhidmatan ETS antara Kuala Lumpur dan Taiping secara berperingkat daripada 24 perkhidmatan kepada 28 perkhidmatan sehari selaras dengan pengoperasian 9 set ETS baru yang dijangka akan diterima sepenuhnya pada penghujung tahun 2020.

Sekian, terima kasih.